Keselamatan Sumber Manusia

Keselamatan Sumber Manusia Dalam Tugas Harian

***Objektif**

Memastikan semua sumber manusia yang terlibat termasuk pegawai dan kakitangan MPKlang, pembekal, pakar runding dan pihak-pihak yang berkepentingan memahami tanggungjawab dan peranan serta meningkatkan pengetahuan dalam keselamatan aset ICT. Semua warga MPKlang hendaklah mematuhi terma dan syarat perkhidmatan serta peraturan semasa yang berkuatkuasa.

Perkara-perkara yang perlu dipatuhi semasa dalam perkhidmatan termasuk yang berikut :

- Memastikan pegawai dan kakitangan MPKlang serta pihak ketiga yang berkepentingan mengurus keselamatan aset ICT berdasarkan perundangan dan peraturan yang ditetapkan oleh MPKlang.
- Memastikan latihan kesedaran dan yang berkaitan mengenai pengurusan keselamatan aset ICT diberi kepada pengguna ICT MPKlang secara berterusan dalam melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka, dan sekiranya perlu diberi kepada pihak ketiga yang berkepentingan dari semasa ke semasa.
- Memastikan adanya proses tindakan disiplin dan/atau undang-undang ke atas pegawai dan kakitangan MPKlang serta pihak ketiga yang berkepentingan sekiranya berlaku perlanggaran dengan perundangan dan peraturan ditetapkan oleh MPKlang.
- Memantapkan pengetahuan berkaitan dengan penggunaan aset ICT bagi memastikan setiap kemudahan ICT digunakan dengan cara dan kaedah yang betul demi menjamin kepentingan keselamatan ICT. Sebarang kursus dan latihan teknikal yang diperlukan, pengguna boleh merujuk. kepada Bahagian Latihan, Jabatan Khidmat Pengurusan atau Jabatan Teknologi Maklumat MPKlang.

Sumber : DKICT MPKlang 4.1

Hakcipta Jabatan Teknologi Maklumat

MAJLIS PERBANDARAN KLANG